



PLURALISME DAN HUKUM KEBEBASAN BERAGAMA DALAM ISLAM

[PLURALISM AND THE RULING OF RELIGIOUS FREEDOM IN ISLAM]

NUR KHAYRIN MUHAMAD SAFRI & AHMAD BAZLI SHAFIE ¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, MALAYSIA.

e-mail: qhayreen1@gmail.com; bazli@unisza.edu.my

*Corresponding Author: bazli@unisza.edu.my

Received: 26 October 2024 | Accepted: 18 November 2024 | Published: 30 December 2024

Abstrak

Hak kebebasan beragama berkait rapat dengan pluralisme. Di Malaysia, beberapa NGO telah muncul mendukung gerakan dalam memperjuangkan hak kebebasan beragama, antara yang paling aktif ialah Sisters in Islam (SIS). Kajian ini bertujuan menilai perspektif SIS tentang isu hak kebebasan beragama berasaskan sumber-sumber hukum Islam dan huraian ilmuwan muslim silam dan semasa. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan analisis kandungan sumber primer dan sekunder. Hasil kajian mendapati pandangan SIS yang membenarkan seseorang itu murtad atau keluar daripada agama Islam bertentangan dengan ketetapan majoriti ulama serta fatwa Majlis fatwa kebangsaan dan negeri yang mengharamkan murtad.

Keywords: Hak Kebebasan Beragama, Pluralisme, Sisters In Islam (SIS), Murtad

Abstract

The right to freedom of religion is closely related to pluralism. In Malaysia, several NGOs support the right to religious freedom movement, one of the most active is Sisters in Islam (SIS). This study aims to evaluate the perspective of SIS on the issue of the right to freedom of religion based on the sources of Islamic law and the authoritative views of past and present Muslim scholars. This study applied a qualitative method involving content analysis of the primary and secondary sources. The results of the study show that the SIS view which allows a person to apostatize or to leave Islam is contrary to the rulings of the majority of Muslim scholars as well as the national and state Fatwa Councils that prohibit apostasy.

Keywords: Religious Freedom, Pluralism, Sisters In Islam (SIS), Apostasy.

Cite as: Nur Khayrin Muhamad Safri & Ahmad Bazli Shafie. (2024). Pluralisme dan Hukum Kebebasan Beragama dalam Islam [Pluralism and The Ruling of Religious Freedom in Islam]. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 3(2), 11-20.

PENGENALAN

Pluralisme beranggapan bahawa semua agama adalah sah dan benar. Setiap individu pula berhak dan bebas untuk memilih dan menukar agama anutan mereka. Pandangan ini menjadikan isu hak kebebasan memilih mana-mana agama dan keluar daripada agama antara isu yang mencabar ketetapan hukum murtad dan pelaksanaannya. Pluralisme semakin berkembang pesat bukan sahaja dalam masyarakat di Malaysia, malahan dalam kalangan umat Islam di seluruh dunia. Di Malaysia, isu hak kebebasan untuk murtad dipertahankan oleh SIS yang cenderung ke arah mempertahankan prinsip liberal iaitu hak kesamarataan manusia serta hak kebebasan individu. Pegangan SIS ini adalah bertentangan dengan hukum murtad yang dikategorikan sebagai dosa besar menurut Islam.

Secara umum, ulama bersepakat bahawa hukuman terhadap seseorang yang murtad adalah dihukum bunuh, walaupun terdapat perbezaan dalam perlaksanaannya. Ulama mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali berpendapat bahawa seseorang yang murtad dihukum bunuh, sama ada lelaki mahupun wanita, sekiranya individu tersebut enggan bertaubat. Walau bagaimanapun, ulama mazhab Hanafi berpendapat bahawa hukuman bunuh hanya ke atas lelaki sahaja setelah diberikan tempoh tertentu untuk kembali bertaubat. Di Malaysia, tidak terdapat hukuman yang jelas terhadap golongan murtad. Namun, terdapat Enakmen Undang-undang Jenayah Syariah Negeri-negeri seperti Terengganu, Perak, Melaka, Pahang dan Sabah yang menguatkuasakan tiga bentuk hukuman yang dikenakan ke atas individu yang murtad, iaitu; (i) didenda sehingga RM5000, atau (ii) dipenjara sehingga tiga tahun, atau (iii) disebat sebanyak 6 kali atau mana-mana hukuman (Ann Wang Seng, 2009).

Pluralisme merupakan fahaman yang difatwakan boleh memesongkan akidah umat Islam oleh Mufti Wilayah Persekutuan (2019), bahkan pluralisme adalah bercanggah dengan semangat toleransi agama yang dianjurkan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Menurut Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006 telah memutuskan bahawa aliran pemikiran liberal yang berpegang kepada konsep pluralisme adalah ajaran sesat dan menyeleweng (JAKIM, 2015). Selain itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang (2020) memfatwakan bahawa pluralisme agama adalah sesat dan menyeleweng daripada agama. Majlis Fatwa Negeri Sabah (2017) telah diwartakan sesat dan mengatakan bahawa fahaman ini akan membawa seseorang keluar daripada agama Islam. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti konsep hak kebebasan beragama yang dinyatakan oleh SIS dengan menjelaskan konsep pluralisme agama serta membincangkan secara khusus kes murtad Lina Joy yang mendapat sokongan beberapa NGO feminis di Malaysia. Seterusnya, konsep kebebasan beragama ini dibincangkan dan dinilai berasaskan perbahasan hukum murtad menurut pandangan ilmuwan Islam.

DEFINISI PLURALISME

Plural bererti lebih dari satu atau jama', manakala *plurality* pula ialah kemajmukan (Taslim HM.Yasin, 2013). Pluralisme adalah pemikiran dan sikap berdasarkan kemajmukan dan *pluralist* merujuk kepada individu yang berpegang dengan pluralisme (Jabatan Agama Islam Selangor, 2013).

Pluralisme dapat difahami melalui pelbagai perspektif, iaitu dari aspek sosial-politik dan aspek keharmonian hidup. Pluralisme, berdasarkan aspek sosial-politik, dapat diertikan sebagai satu fahaman yang ada dalam sesebuah masyarakat yang mempunyai pelbagai bangsa, bahasa, budaya dan agama yang mencorakkan kecenderungan politik yang berbeza. Pluralisme, berdasarkan aspek keharmonian hidup, diertikan sebagai suatu prinsip bahawa satu kelompok yang berbeza dapat hidup bersama dengan aman dalam masyarakat (Farhana et al., 2019).

Secara khusus, pluralisme merujuk kepada kewujudan pelbagai jenis manusia yang mempunyai pelbagai jenis kepercayaan dan pandangan (Chandra Muzzafar, 2006) yang melahirkan sikap toleransi antara satu pihak dengan pihak yang lain (Mohd Fauzi Hamat dan Wan Adli Wan Ramli, 2007), bahkan dapat mewujudkan satu pemikiran yang menjurus kepada perkongsian kebenaran (Mohamad et al., 2021). Dalam konteks perbincangan ini, pluralisme dirujuk sebagai kebebasan dalam beragama, kepelbagaian dalam memahami agama dan sikap toleransi yang wujud dalam beragama serta dakwaan tentang kebenaran yang dinyatakan oleh setiap agama (*religious truth claim*).

HAK KEBEBASAN BERAGAMA MENURUT SISTERS IN ISLAM (SIS)

Pluralisme merupakan sebuah fahaman yang ditegah di Malaysia kerana bertentangan dengan fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah. Di Malaysia, Sisters in Islam (SIS) adalah pertubuhan yang lantang menyokong fahaman ini. SIS merupakan sebuah pertubuhan yang ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1988 dan telah didaftarkan secara rasmi pada tahun 1993 sebagai sebuah Badan Bukan Kerajaan (*Non Governmental Organisation (NGO)*) (Azimah et al., 2018). Pada awalnya, pertubuhan ini ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah dan membantu golongan wanita, terutamanya beragama Islam, yang ditindas, yang menghadapi ketidakadilan dan yang mengalami diskriminasi dalam masalah berkaitan rumahtangga, poligami dan isu lain yang berkaitan perlaksanaan hukum di Malaysia. Penglibatan dalam isu wanita dan kritikan terhadap perlaksanaan syariah di Malaysia telah membawa SIS membicarakan persoalan yang lebih luas melibatkan hukum faraid, bahkan akidah melalui kaedah pentafsiran al-Quran menurut perspektif hak asasi manusia yang mencabar kaedah tafsiran ulama' terdahulu (Azimah et al., 2018).

Dalam konteks kebebasan beragama, SIS mendefinisikan pluralisme agama sebagai kesatuan agama, iaitu setiap agama mempunyai kebenaran yang sama. Pertubuhan ini juga menyatakan bahawa agama Islam seharusnya mengiktiraf kebebasan menukar agama kerana Islam bukannya jalan yang sehalu sebagaimana yang dituntut oleh golongan pluralisme (Farhana et al., 2019). Zainah Anwar menyokong pluralisme dengan mengatakan bahawa setiap individu seharusnya dibenarkan untuk memilih dan mempercayai seterusnya menganut mana-mana agama. Beliau berpendapat bahawa adalah tidak adil bagi seseorang yang beragama Islam dihalang daripada meninggalkan agama mereka, bahkan pihak kerajaan tidak mempunyai kuasa menghalang kerana ia berlawanan dengan hak kebebasan individu (Zainah Anwar, 2007).

Kenyataan yang dikeluarkan oleh SIS mengenai hak individu dalam memilih agama turut dikongsi oleh beberapa NGO lain yang berpegang dengan prinsip bahawa kebenaran tidak berpihak kepada mana-mana institusi mahupun agama. Kecenderungan institusi agama dan majlis-majlis fatwa yang cuba mendominasi dalam tafsiran dan pelaksanaan agama dilihat sebagai sikap yang boleh mencemarkan kesucian agama Islam. Bahkan, isu dan kes murtad yang berlaku di Malaysia seperti kes Moorthy, Nyonya Tahir, Lina Joy dan S. Shamala telah digunakan sebagai ruang membuat

tuntutan bagi menubuhkan Suruhanjaya Antara Agama atau Interfaith Commission Malaysia (IFC) dan juga Forum Artikel 11 yang bertujuan membela hak asasi manusia dalam konteks keagamaan (Mohd Aizam, 2015).

Kes murtad Lina Joy atau Azlina Jailani, iaitu seorang wanita Melayu yang telah mengaku murtad dan memeluk agama Kristian Katolik, telah melibatkan beberapa pertubuhan termasuklah SIS. Secara khusus, Pengarah Eksekutif SIS, Zainah Anwar, telah melantik Meera Samanther sebagai peguam pemerhati kepada Lina Joy dalam kes permohonan murtad pada tahun 2007 (Mohd Aizam, 2015). Kes bermula pada Februari 1997, apabila Azlina bt Jailani membuat permohonan untuk menukar nama kepada Lina Lelani dengan alasan sudah keluar daripada Islam. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut ditolak pada Ogos 1997. Pada Mac 1999, beliau sekali lagi membuat permohonan untuk menukar nama kepada Lina Joy. Namun tiada keputusan diberikan sehinggalah pada Oktober 1999, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) meluluskan penukaran nama dan meminta beliau untuk memohon kad pengenalan baru dengan status agama Kristian. Namun, setelah kad pengenalan baru keluar, status yang tertera masih beragama Islam. Permintaan untuk menukar status Islam ditolak kerana status agama beliau perlu kepada pengesahan daripada mahkamah syariah. Pada Mei 2000 Lina Joy memfailkan permohonan menggugurkan status Islam dalam kad pengenalan MyKad beliau di Mahkamah Tinggi. Pada 18 April 2000, permohonan beliau dipindahkan ke Mahkamah Syariah atas alasan hanya mahkamah syariah yang layak menguruskan permohonan keluar daripada agama Islam (Farhan Abdullah, 2013). Pada 30 Mei 2007 permohonan tuntutan beliau telah ditolak (Mohd Aizam, 2015). Penolakan tuntutan ini telah menunjukkan bahawa hak individu Muslim untuk murtad bukanlah satu perkara yang mudah walaupun bagi pihak yang membantah penolakan ini ianya melanggar hak asasi manusia. Kes ini telah mendapat perhatian oleh pelbagai pihak seluruh dunia.

Pluralisme yang didukung oleh SIS juga telah membawa kepada penolakan terhadap pelaksanaan hukum hudud yang telah diluluskan di Negeri Kelantan dan Terengganu di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah II (1993) (2015) bagi Negeri Kelantan dan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) (2002) dan Pindaan (2003). SIS beranggapan bahawa hukuman hudud yang dikenakan kepada pesalah adalah tidak bertepatan dengan keadilan sosial dan isu gender. Mereka berhujah dengan mengatakan bahawa tiada satu ayat yang menyatakan hukuman hudud kepada jenayah mencuri, berzina, minum arak, merompak dan murtad (SIS, 2023). SIS juga berhujah dengan firman Allah SWT bahawa kebebasan beragama adalah prinsip asas dalam Islam sebagaimana Surah Al-Baqarah ayat 256 (SIS, 1999).

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ

“Tidak ada paksaan dalam beragama”

Berdasarkan kenyataan dan tindakan ini, aliran pemikiran pluralisme yang dibawa oleh SIS telah diwartakan sebagai menyeleweng dan tersasar daripada landasan agama Islam sebagaimana yang telah diputuskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam kali ke -74 yang bersidang pada 25 hingga 27 Julai 2006 (Mohamad et al., 2021). Pada 17 Julai 2014, Fatwa Kerajaan Negeri Selangor di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 telah mengeluarkan fatwa bahawa mana-mana individu, pertubuhan atau institusi yang berpegang dengan fahaman liberalisme dan pluralisme adalah sesat. Bahan-bahan terbitan yang

berunsur fahaman ini juga digesa supaya disekat oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) kerana berlawanan dengan ajaran Islam yang sebenar. Individu yang mendukung fahaman ini juga diseru supaya kembali ke jalan Islam yang sebenar (Fatwa Negeri Selangor, 2014).

HAK KEBEBASAN BERAGAMA MENURUT ISLAM

Islam menghormati kebebasan beragama dan melarang sebarang bentuk paksaan ke atas seseorang dalam memilih Islam sebagai agama (Abdul Monir Yaacob, 1986).

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدْ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انْفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

“Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat. Karena itu barang siapa yang ingkar kepada Taghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang amat kuat yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.” (Surah Al-Baqarah: 256)

Berdasarkan ayat ini, Islam sangat menghormati kebebasan beragama. Walau bagaimanapun, murtad adalah dilarang dalam Islam. (Mustafa Al-Khin dll, 2017). Islam merupakan agama yang harmoni dan menerima sesiapa sahaja untuk menuju ke jalan yang benar. Islam tidak memaksa dengan keras bagi sesiapa untuk memeluk agama Islam. Namun, umat Islam haruslah sentiasa menjaga keimanan mereka daripada terpesong.

PENGERTIAN MURTAD

Murtad menurut bahasa ialah beralih daripada sesuatu kepada sesuatu yang lain. Manakala menurut istilah pula ialah beralih daripada agama Islam kepada agama yang lain. Secara etimologi, perkataan murtad berasal dari akar kata *ra* (ر) dan *dal* (د) yang membawa maksud kembali kepada sesuatu (*Mu'jam Maqayis al-Lughah*, 1979). Manakala perkataan *riddah* bermaksud “merujuk kepada atau kembali daripada sesuatu yang lain” (Engku Ahmad Zaki, 2006) dan “irtidad” pula merujuk kepada “orang yang memeluk agama lain atau meninggalkan Islam kerana tidak mempercayainya” (Mohamed Azam, 2009). Secara umumnya berdasarkan makna tersebut, murtad ialah orang yang kembali kepada kekufuran.

Dari segi syarak pula, Wahbah Al-Zuhayli (1989) mentakrifkan murtad sebagai berpaling daripada Islam dan kembali kufur samada dengan niat atau perbuatan yang mengkafirkan atau perkataan yang diucapkan dengan gurauan atau penentangan atau dengan iktikad. Dalam konteks di Malaysia, murtad, menurut JAKIM (1970), merujuk kepada berpaling daripada agama Islam kepada agama kufur samada dengan niat atau perbuatan yang membawa kepada kekufuran samada secara ingkar, bergurau atau iktikad. Murtad, menurut Mufti Wilayah Persekutuan (2015), ialah beralih daripada memeluk agama Islam kepada agama dan anutan lain. Oleh itu, murtad dapat dirumuskan sebagai keluar daripada Islam untuk menganut agama lain dengan niat, melalui perbuatan atau lisan dengan sengaja atau secara sukarela tanpa sebarang bentuk paksaan.

HUKUM MURTAD

Murtad merupakan kes yang mempunyai implikasi yang sangat besar. Justeru, kes murtad dikategorikan dalam hukum *hudud* menurut *fiqh Islami*. Allah SWT telah menetapkan dua jenis hukuman ke atas individu yang murtad, iaitu hukuman di dunia dan juga hukuman di akhirat. Hukuman murtad di akhirat ialah azab dan kekal di neraka (Arieff Salleh Rosman, 2001).

وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ قِيمَتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَلُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

“Dan sesiapa di antara kamu Yang murtad (berpaling tadah) dari agamanya (agama Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang-orang Yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka di dalamnya (selama-lamanya).” (Surah Al-Baqarah: 217)

Manakala hukuman ke atas seseorang yang murtad di dunia ialah dihukum bunuh (Abu Zahrah, 2006). Para ulama bersepakat bahawa hukuman tersebut sabit keatas mereka yang murtad berdasarkan sabda Rasulullah SAW.

عن ابن عباس رضي الله عنه قال : قال رسول الله عليه وسلم : من بدل دينه فاقتلوه

Maksudnya: “Sesiapa yang menukar agamanya, maka hendaklah dibunuh”. Riwayat al-Bukhari (6922)

PELAKSANAAN HUKUMAN MURTAD

Apabila seseorang itu telah disabitkan dengan murtad, hukuman hudud tidak akan dilaksanakan dengan serta merta, sebaliknya perlulah dipastikan terlebih dahulu keadaan dan sebab berlakunya murtad. Di samping itu, sekurang-kurangnya dua orang saksi yang adil diperlukan sebagai bukti sesuatu kes murtad. Jika sesuatu kes murtad itu berpunca daripada kekeliruan atau keraguannya terhadap Islam, maka pihak pemerintah hendaklah menghantar alim ulama untuk menerangkan dan menghilangkan keraguan tersebut. Sebaliknya, jika kes murtad tersebut berlaku dengan pengetahuan dan kerelaan hati individu tersebut sendiri, maka setelah diberikan tempoh masa yang telah cukup untuk menilai pendiriannya, hukuman hudud boleh dijatuhkan ke atasnya (Engku Ahmad Zaki, 2013).

Ulama bersepakat bahawa seorang lelaki Muslim yang murtad perlu dihukum dengan hukuman bunuh berdasarkan dalil yang telah dinyatakan. Walau bagaimanapun, ulama berbeza pendapat bagi hukuman yang dikenakan kepada perempuan Muslim yang murtad, iaitu berdasarkan pendapat Jumhur Ulama dan juga pendapat Ulama mazhab Hanafi.

Jumhur Ulama yang terdiri daripada Imam Maliki, Syafie dan Hanbali berpendapat hukuman bunuh ke atas orang-orang Islam yang telah murtad dan enggan bertaubat wajib dikenakan kepada semua samada lelaki mahupun perempuan, tua atau muda tanpa ada perbezaan. Mereka berhujah dan berdalilkan hadis-hadis yang diriwayatkan dari Ibnu Abbas seperti yang telah dinyatakan dan Ibnu Mas’ud, iaitu Rasulullah bersabda:

لَا يَحِلُّ دَمُ امْرِئٍ مُسْلِمٍ ، إِلَّا بِأَحَدٍ ثَلَاثٍ: النَّيْبُ الزَّانِي، وَالنَّفْسُ بِالنَّفْسِ، وَالتَّارِكُ لِدِينِهِ الْمُفَارِقُ لِلْجَمَاعَةِ

Maksudnya: “Tidak halal darah seorang Muslim kecuali kerana salah satu daripada tiga perkara: Berzina, padahal dia sudah berkahwin, membunuh orang dan meninggalkan agamanya serta memisahkan diri daripada jemaah (murtad).” Riwayat al-Bukhari (6878) & Riwayat Muslim (1676)

Menurut Imam Al-Syafie, orang-orang yang murtad dan enggan untuk bertaubat setelah diberi tempoh selama tiga hari wajib dibunuh tanpa pengecualian, sama ada seseorang yang murtad tersebut adalah lelaki ataupun perempuan (Said Ibrahim, 1998).

Pendapat kedua pula ialah daripada Ulama mazhab Hanafi yang berpendapat bahawa hukuman bunuh ke atas individu murtad hanya khusus kepada individu lelaki sahaja dan tidak wajib membunuh individu perempuan yang murtad. Malah, mereka haruslah dipaksa untuk memeluk ajaran Islam semula dan diwajibkan untuk dipenjarakan dan dikeluarkan setiap hari untuk diminta bertaubat dan kembali kepada agama Islam. Sekiranya menolak, mereka perlu ditahan sehingga ingin kembali kepada Islam ataupun ditahan sehingga mati (Arief Salleh Rosman, 2001).

Majoriti ulama berpegang dengan pendapat bahawa setiap orang yang murtad, tanpa mengira jantina, harus dihukum mati setelah berpeluang bertaubat kerana murtad adalah di bawah bidang kuasa hukum hudud. Umat Islam diwajibkan untuk berpegang teguh kepada Islam sehingga ke akhir hayat, maka mereka tidak diberi kebebasan untuk meninggalkan agama Islam. Walau bagaimanapun, ulama berbeza pendapat tentang tempoh untuk bertaubat. Menurut Imam Al-Syafie terdapat dua pendapat, iaitu orang yang telah sabit dengan kesalahan murtad diberi tempoh untuk bertaubat selama tiga hari. Sekiranya dalam tempoh tersebut, orang yang telah murtad enggan kembali kepada agama Islam setelah diminta untuk bertaubat, maka boleh dibunuh pada masa itu juga. Seterusnya, Imam Maliki berpendapat tempoh masa yang ditetapkan ialah selama tiga hari dan tiga malam bermula hari disabitkan kesalahan murtad dan bukan dikira daripada masa seseorang itu murtad. Akhir sekali, tempoh masa untuk bertaubat menurut Imam Hanafi bergantung dan tertakluk kepada ketetapan dan ihsan kerajaan atau wakilnya iaitu hakim untuk menentukannya. Sekiranya pihak kerajaan atau wakilnya mendapati orang yang murtad itu ada harapan untuk bertaubat, maka tempoh bertaubat dilanjutkan selama tiga hari. Jika sebaliknya, maka boleh dibunuh pada masa itu juga (Said Ibrahim, 1998).

Kesalahan murtad juga mengakibatkan harta orang yang murtad ditahan dan akan dikembalikan sepenuhnya sekiranya individu tersebut kembali semula kepada Islam. Selain itu, kesemua urusan dan akad sivilnya seperti jual beli, anugerah dan gadaian akan terbatal dan hak untuk warisnya mewarisi juga gugur. Sekiranya salah seorang saudaranya meninggal dunia ketika kemurtadannya, dia tidak berhak mewarisi harta pusaka sebagaimana hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Usamah bin Zaid R.A :

لَا يَرِثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرَ وَلَا الْكَافِرُ الْمُسْلِمَ

Maksudnya: “Orang Islam tidak boleh mewarisi harta seorang kafir begitu juga orang kafir tidak boleh mewarisi harta seorang Muslim.” (Riwayat Bukhari: 6764)

Akhir sekali, individu yang murtad dipisahkan daripada isterinya dan akad nikahnya digantung. Sekiranya pesalah kembali untuk bertaubat dalam tempoh *iddah*, maka perkahwinan boleh diteruskan tanpa akad yang baru. Jika pesalah bertaubat setelah habis idahnya, maka dia berhak kembali dengan akad dan mahar yang baru. Namun, jika pesalah enggan bertaubat dalam tempoh idah, maka akad akan terbatal (Al-Khin, Mustafa Al-Bugha, Ali Al-Syarbaji, 2009).

KESIMPULAN

Pluralisme agama yang meletakkan semua agama adalah sama dan setaraf beranggapan bahawa kebenaran itu bukan hanya terhad kepada Islam. Justeru, seseorang itu mempunyai hak kebebasan untuk berpegang dengan apa jua agama dan keluar daripada sesuatu agama, terutama Islam. Fahaman ini muncul daripada pengaruh aliran Pemikiran Liberal atau Liberalisme yang difatwakan sesat oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan Negeri.

SIS merupakan salah satu NGO yang mempertahankan kebebasan beragama di Malaysia. Kecenderungan SIS terhadap aliran Liberalisme dan Pluralisme Agama ini telah ditunjukkan melalui kenyataan yang dikeluarkan oleh SIS sendiri, pembelaan SIS terhadap kes murtad yang berlaku di Malaysia serta sokongan SIS terhadap penubuhan Suruhanjaya Antara Agama atau Interfaith Comission Malaysia (IFC). Beberapa NGO lain, secara terbuka, turut sama mengkritik kewibawaan institusi agama, fatwa dan ilmuwan. Bahkan, SIS turut mencabar keabsahan hukum dengan memberi tafsiran baru terhadap hukum murtad.

Ulama' dalam semua mazhab bersepakat bahawa kebebasan agama atau murtad adalah tidak dibenarkan dan berdosa besar. Walau bagaimanapun, ulama' berbeza pandangan tentang kaedah pelaksanaan hukuman bagi setiap individu yang murtad. Kebebasan beragama merupakan satu perbuatan yang dilarang dalam Islam serta kepercayaan terhadapnya dapat meruntuhkan akidah umat Islam.

RUJUKAN

- Abdul Monir Yaacob. 1986. *Hak Asasi Manusia Menurut Islam*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Zahrah, Muhammad. (2006). *Al-Jarimah Wa-Al-'Uqubah Fi Al-Fiqh Al-Islami Al-'Uqubah*. Qaherah : Dar al-Fikr.
- Ahmad Ibn Faris al-Qazwini. (1979). *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Mohamad, Alwani Ghazali & Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali. (2021). 'Isu-isu Berkaitan Pluralisme Agama Di Malaysia : Suatu Analisis Awal'. *Jurnal Peradaban*. 14(1), 1-17.
- Ann Wang Seng. (2009). *Murtad Jangan Pandang Sebelah Mata*. Kuala Lumpur : Must Read Sdn Bhd.
- Arief S Salleh Rosman. (2001). *Murtad Menurut Perundangan Islam*. Johor : Penerbit UTM.
- Chandra Muzaffar. (2006). *What Pluralism Mean to Islam*. *The Star*.
<https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2006/06/18/what-pluralism-means-to-islam>
 Dicapai pada 24 Disember 2023.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2006). *Akidah & Isu Sosial Masyarakat Islam*. Terengganu: Universiti Darul Iman.

- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2013). *Ajaran Sesat Disebalik Lipatan Sejarah Islam*. Selangor : Mustread Sdn Bhd.
- Farhan Abdullah. (2013). *Kristianisasi & Gejala Murtad : Di Mana Peranan Kita ?*. Selangor : Hijjaz Record Publishing.
- <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/11072>. Dicapai pada 28 Disember 2023.
- <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/tashih-al-mafahim/2999-tashih-al-mafahim-8-pluraliti-agama-bukan-pluralisme-agama> Dicapai pada 19 Jun 2024.
- <https://sistersinislam.org/islam-murtad-dan-pas/> Dicapai pada 20 Jun 2024.
- Jabatan Agama Islam Selangor. (2013). ‘Simposium Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Peringkat Kebangsaan 2013’. Penganjur : Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Jabatan Agama Islam Selangor bertempat di Dewan Auditorium Yayasan Restu, Kompleks Taman Seni Islam Selangor, Shah Alam. 25 September 2013. Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (1970). *Murtad dan Permohonan Tukar Nama*.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Al-Khin, Mustafa, Al-Bugha, Mustafa & Al-Syarbaji, Ali. (2009). *Al-Fiqh Al-Manhaji Mazhab Al-Syafie Jilid 6*. Selangor : Darul Syakir Enterprise.
- Al-Khin, Mustafa, Al-Bugha, Mustafa & Al-Syarbaji, Ali. (2009). *Al-Fiqh Al-Manhaji Mazhab Al-Syafie Jilid 3 & 6*. Damsyik: Dar Al-Qalam.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. (2003). ‘Hak Tukar Agama Dalam Perlembagaan Malaysia : Konflik Antara Kebebasan Beragama dan Hukum Islam’ dalam Jurnal Syariah. 11(1), 23-46.
- Mohd Aizam Mas’od. (2015). *Diskusi Isu Aqidah Pemikiran Islam Di Malaysia*. Putrajaya : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd. Fauzi Hamat & Wan Adli Wan Ramli.(2007). “Pendekatan Epistemologi dalam Menangani Pluralisme Agama.” Dalam *Konsep Asas Islam dan Hubungan Antara Agama*, ed. Wan Suhaimi Wan Abdullah dan Mohd Fauzi Hamat. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mufti Kerajaan Negeri Sabah. (2017). ‘Keputusan Majlis Fatwan Negeri Sabah Mengenai “Fahaman Liberalisme dan Pluralisme Menurut Pandangan Islam” dalam Warta Kerajaan. 72(35), 1-2.
- Mufti Negeri Pulau Pinang. (2020). ‘Fatwa Mengenai Aliran Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Agama’ dalam Warta Kerajaan. Jilid 64 No.20,h.1-11. Pulau Pinang : Malaysia.
- Mufti Wilayah Persekutuan. (2015). Irsyad Al-Fatwa Ke-25 : *Pengertian Murtad*. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2064-25> Dicapai pada 28 Disember 2023.
- Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). *Tashih Al-Mafahim #9: Pluraliti Agama Bukan Pluralisme Agama*.
- Nur Azimah Abdul Aziz & Nurul Syafini Abdul Rahman. (2018). ‘Pengaruh Pluralisme Dalam Sisters in Islam’ dalam Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. 23-24 April 2018. Selangor : Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Nur Farhana Abdul Rahman, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Nur Solehah Shapiee & Nur Ashilah Kahar. (2019). ‘Pendefinisian Pluralisme Agama dalam Konteks Malaysia’ *Jurnal Islamiyyat*. 41(2), 61-70.

- Said Ibrahim. (1998). *Jinayah Murtad dari Sudut Hukum Syara' dan Perundangan Islam*. Malaysia: Darul Makrifah.
- Sisters In Islam. (1999). *Islam, Murtad dan PAS*.
- Sisters in Islam. (2023). *Hukum Hudud Adakah Ia Sesuai Dilaksanakan di Malaysia Pada Abad 21?*. Selangor: Sisters in Islam.
- Taslim HM. Yasin. (2013). 'Pluralisme Agama Sebuah Keniscayaan' dalam Jurnal Substantia: Ilmu-Ilmu Ushuluddin. 15(1), 134-144.
- Zainah Anwar. (2007). *Mediation The Wiser Path To Take*. New Strait Times. <https://www.malaysianbar.org.my/article/news/legal-and-general-news/general-news/zainah-anwar-on-friday-mediation-the-wiser-path-to-take>. Dicapai pada 14 November 2023.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyik : Dar al-Fikr.